

HARI : _____

RABU

TARIKH : _____

18/9/2019

M/SURAT : _____

18

KDN bertindak tegas

KUALA TERENGGANU 17 Sept. — Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan bertindak tegas terhadap aktiviti penyeludupan termasuk minyak masak kerana kegiatan itu jelas mendatangkan kerugian besar kepada negara dan rakyat.

Ketua Setiausaha di kementerian berkenaan, Tan Sri Alwi Ibrahim berkata, bagi tujuan itu, kerjasama dengan jabatan serta agensi lain termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di segi kawalan sempadan juga akan dilakukan bagi memastikan aktiviti penyeludupan seumpama itu dibanteras.

Pada masa sama, jelas beliau, kementeriannya akan meningkatkan kerjasama dengan agensi keselamatan lain termasuk Agensi Kawasan

Sempadan Malaysia (Aksem) bagi menambah baik kawalan sempadan sambil mengakui kegiatan penyeludupan bukan hanya melibatkan sempadan laut malah juga di persempadanan darat.

“Memang kita fahami perkara ini (kerajaan kerugian RM600 juta setiap tahun akibat ketirisan subsidi minyak masak), ini satu kerugian kepada kerajaan, oleh itu kita akan ambil tindakan tegas terhadap aktiviti seperti penyeludupan ini kerana ia menyebabkan kerugian besar kepada negara dan masyarakat.

“Kita sentiasa tambah baik kawalan-kawalan sempadan, kita akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain termasuk KPDNHEP untuk pastikan penyeludupan barang diatasi,” katanya di sini hari ini.